



## SPENDING OF ZAKAT AMONG ASNAF FISABILILLAH AND ASNAF GHARIM AT UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

### PENGGUNAAN WANG BANTUAN ZAKAT DALAM KALANGAN ASNAF FISABILILLAH DAN ASNAF GHARIM DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

NAEMAH BINTI HAMZAH

Universiti Teknologi Malaysia. E-mail: naemah@utm.my

MOHD. NASIR BIN MASROOM

Universiti Teknologi Malaysia. E-mail: m.nasir@utm.my

AMINUDDIN BIN RUSKAM

Universiti Teknologi Malaysia. E-mail: al-dawamy@utm.my

AMIR IRSYAD BIN SAIM

Universiti Teknologi Malaysia. E-mail: amir.irsyad@utm.my

#### A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 15<sup>TH</sup> SEPT. 2020; REVISED – 17<sup>TH</sup> JAN. 2021; ACCEPTED – 25<sup>TH</sup> JAN. 2021)

#### ABSTRACT

UTM Islamic Center (PIUTM) is one of the zakat collections partners for the Johor Islamic Religious Council (MAIJ). A total of 31.25% zakat return is given to PIUTM to be distributed to five asnaf i.e al-gharim, fisabilillah, al-fakir, al-miskin and al-amil. However, PIUTM faces an issue in identifying the spending of zakat which should be spent for three main purposes i.e living-cost, emergency and student industrial training programme. Therefore, this study aims to identify the spending of zakat among those asnaf. This study used quantitative design through an online questionnaire survey to 401 respondents. Documents analysis were used to support the obtained data. Data are presented in descriptive form in frequency and percentage. This study produced a profile of zakat recipients. The

study also found three main zakat spending patterns among asnaf, i.e for meal, daily needs and helping the family. It is hoped that the results can be used as a guide to strengthen the management and administration of zakat which involves the process of zakat collection, zakat distribution and asnaf self-development program.

**Keywords:** Asnaf Zakat; the use of zakat assistance money; zakat UTM

## ABSTRAK

Pusat Islam Universiti Teknologi Malaysia merupakan salah satu rakan pungutan zakat kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor. Sebanyak 31.25% pulangan zakat diberikan kepada PIUTM untuk diaghikkan kepada asnaf gharim, fisabilillah, fakir, miskin dan amil. Namun begitu, PIUTM menghadapi masalah untuk mengenalpasti penggunaan wang bantuan zakat yang disalurkan kepada pelajar untuk bantuan sara diri, bantuan kecemasan dan bantuan latihan industri. Justeru itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti penggunaan wang bantuan zakat dalam kalangan asnaf. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui tinjauan soal selidik secara dalam talian kepada 401 orang responden. Analisis dokumen turut digunakan sebagai data sokongan data yang diperolehi. Kajian ini menghasilkan profil latar belakang penerima zakat dan pola penggunaan wang bantuan zakat. Kajian turut mendapati tiga pola utama penggunaan wang zakat iaitu belanja makan minum, keperluan harian dan membantu keluarga. Hasil kajian ini diharapkan dapat dikemukakan sebagai panduan bagi memantapkan pengurusan dan pentadbiran zakat yang melibatkan proses kutipan zakat, agihan zakat dan program pembangunan kendiri asnaf.

**Kata Kunci:** Asnaf Zakat; penggunaan wang bantuan zakat; zakat UTM.

## PENGENALAN


Zakat adalah salah satu daripada rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh setiap muslim yang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Kefarduan zakat disebut dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui.”* (Surah al-Taubah, 103)

Selain memenuhi kewajipan sebagai seorang Muslim, zakat juga mempunyai kelebihan dan manfaat kepada individu, masyarakat dan negara (Mohd Nasir, Naemah, R. Husna, & Aminuddin, 2018), di antara manfaat zakat adalah seperti membasmi kemiskinan, menjamin keadilan ekonomi, memelihara kehormatan dan tanggungjawab kepada Allah SWT (Patmawati, 2008) dan sebagai pemangkin kebangkitan ekonomi negara (Zarina, Ahmad, & Mohd Ali, 2012). Untuk mencapai tujuan ini, pusat-pusat zakat perlu menjadi sebuah institusi yang cekap dan berkesan.

Menurut al-Qaradawi (1973) pula menekankan kepentingan agar pusat zakat dapat menjalankan peranan dan tanggungjawab menyalurkan zakat dengan lebih teratur agar kemuliaan Islam dapat dikembalikan apabila kemiskinan dalam kalangan masyarakat Islam dapat dikurangkan. Pemerintah bertanggungjawab mengurus zakat secara telus dan bersistematik agar matlamat zakat akan tercapai dalam membantu dan meningkatkan taraf hidup asnaf. (Maheran Zakaria, 2014:165), Hafizah Zainal (2016:48).

Dalam hal ini menurut Md Hairi (2009) menjelaskan bahawa agihan zakat dihubungkait antara pembayar zakat dan pejabat zakat yang menguruskan dana serta kutipan zakat. **Rajah 1** berikut menunjukkan rantaian hubungan antara tiga entiti:



**Rajah 1:** Hubungan diantara Pembayar Zakat, Pejabat Zakat dan Penerima Zakat

Pembayar zakat akan membayar zakat di pejabat zakat yang kemudiannya akan menyalurkan dana zakat kepada golongan asnaf. Zakat yang diberikan kepada lapan golongan asnaf ini adalah sebagaimana dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (muallaf), untuk memerdekaan hamba sabaya, untuk membebaskan orang yang berbutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”* (al-Taubah: 60)

Zakat diberikan kepada lapan golongan asnaf iaitu kepada golongan fakir, miskin, muallaf, fisabilillah, ibnu sabil, riqab, gharimin dan amil. Kesemua golongan asnaf ini kecuali amil dan riqab kebanyakannya terdiri daripada pelajar-pelajar sama ada di sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi (Azman & Siti Martiah, 2014). Fasa pertama di sini adalah hubungan di antara pembayar zakat dan pejabat zakat manakala fasa kedua pula adalah hubungan diantara pejabat zakat dan penerima zakat (golongan asnaf). Walaubagaimanapun, terdapat juga pembayar zakat yang memberikan zakat mereka terus kepada penerima zakat tanpa melalui pejabat zakat.

Di Malaysia, tanggungjawab menguruskan pungutan dan pengagihan zakat terletak di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti Majlis Agama Islam Johor, Majlis Agama Islam Kelantan dan Majlis Agama Islam Terengganu. Terdapat beberapa negeri yang mengkopratkan dan meletakkan pengurusan pungutan dan agihan zakat di bawah badan yang khusus seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, Lembaga Zakat Selangor, Pusat Zakat Sabah, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang dan Pusat Zakat Melaka (Sanep et.al., 2006).

### **KAJIAN LEPAS**

Terdapat banyak kajian lepas yang memfokuskan aspek kutipan zakat dan bagaimana pihak institusi zakat boleh meningkatkan jumlah

kutipan zakat (Hairunnizam Wahid & Sanep, 2008). Menurut Rosliza @ Rosli Mahmud (2017), lantikan institusi pengajian tinggi sebagai amil atau penolong amil zakat telah memberi kesan positif terhadap peningkatan dana pungutan zakat.

Namun, kepelbagaiannya dalam struktur pengurusan dan pendekatan agihan yang diamalkan oleh universiti pada hari ini perlu dikaji secara lebih teliti. Ini kerana, ketidakseragaman yang wujud dalam struktur organisasi dan pendekatan agihan ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi keyakinan pihak Majlis Agama Islam Negeri dan masyarakat umum terhadap keupayaan badan zakat di institusi pengajian tinggi. Kajian Rosliza @ Rosli Mahmud (2017) menemui beberapa kelemahan dalam pengurusan zakat di universiti, antaranya iaitu berlaku ketidakpatuhan kepada ketetapan yang telah dibuat oleh Majlis Agama Islam Negeri.

Kajian Azman & Siti Martiah (2014) menggunakan 14 sampel iaitu daripada unit Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat di 14 buah negeri di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa zakat pendidikan memainkan peranan yang sangat penting bagi golongan asnaf dalam membantu membasmi kemiskinan jangka masa panjang. Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh institusi zakat dalam mengagihkan dana zakat pendidikan seperti hasil kutipan zakat yang semakin meningkat tahun demi tahun dan kurangnya permohonan zakat pendidikan dari golongan asnaf dapat di atasi dengan mengambil beberapa pendekatan yang lebih efektif.

Selain itu permasalahan berkaitan agihan dan penggunaan wang pulangan zakat menjadi pertikaian dalam masyarakat. Rahisam (2011) dan Mardiatul Akmaliah (2011) mengkaji berkaitan pertikaian berlaku berkaitan kutipan dan agihan zakat serta sejauhmana zakat dapat membantu meringankan beban hidup golongan sasaran terus menjadi persoalan dalam masyarakat. Selain itu, langkah-langkah yang berkesan untuk mengurangkan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan, nisbah jurang pendapatan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan amat memerlukan kajian untuk mencari jalan keluar yang terbaik (Mardiatul Akmaliah, 2011).

Kajian berkaitan penggunaan wang peruntukan zakat perlu dilihat untuk menambah keyakinan pencarum zakat kepada institusi yang menguruskan zakat. Dalam konteks UTM, pembahagian zakat

dibahagikan kepada bantuan sara diri, yuran pengajian, bantuan kecemasan dan bantuan latihan industri. Kajian ini secara tidak langsung melihat sejauhmana penggunaan wang bantuan zakat diuruskan sebaiknya oleh penerima bantuan.

## METODOLOGI

Secara umumnya kajian ini menggunakan reka bentuk kajian secara tinjauan menggunakan soal selidik dalam talian bagi mengumpulkan data utama analisis kitab, kajian dan dokumen terhadap laporan-laporan yang dikeluarkan oleh Unit Zakat & Kebajikan (UZK) UTM. Data dijelaskan melalui kekerapan dan peratus serta dibentangkan dalam bentuk jadual sebagai data sokongan kajian (Mohd Najib, 2003). Dapatkan-dapatkan baru ini diperlukan bagi menghasilkan profil penerima zakat UTM dan pola penggunaan wang bantuan zakat (Maxwell, 1996; Salvana et al., 2008; Richard et al., 2005; Uwe Flick et al., 2004; Locke et al., 2010).

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian profil atau latar belakang penerima yang mengandungi 10 soalan iaitu jantina, umur, fakulti, jenis pengajian, status perkahwinan, pekerjaan ibu bapa atau penjaga, pendapatan isi rumah, sumber kewangan untuk pengajian di UTM, perbelanjaan dan kategori zakat yang diterima. Sementara soalan bahagian B pula melibatkan enam soalan iaitu mekanisma permohonan zakat dapat memudahkan pelajar, bantuan zakat diperolehi mengikut jadual masa yang ditetapkan, layanan staf yang menguruskan zakat, saluran pelajar mengetahui iklan permohonan zakat dan info zakat.

Mengikut Mohd Najib (2003) soal selidik lebih sesuai untuk kajian tinjauan semasa yang melibatkan jumlah responden yang ramai berbanding temu bual keranakekangan masa dan kos. Kaedah ini juga banyak digunakan dalam pengumpulan data secara tinjauan kerana keberkesanannya dan praktikal untuk mendapatkan data (Neuman, 2007). Tinjauan soal selidik dijalankan terhadap 401 orang mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia yang menerima bantuan zakat bagi semester 2 tahun 2019/2020. Jumlah pemohon zakat bagi semester 2 tahun 2019/2020 adalah seramai 1154. Setelah disenarai pendek melalui tapisan zakat mengikut kadar had kifayah, jumlah penerima bagi semester ini adalah seramai 984 orang. Berdasarkan

jadual Krejcie dan Morgan (1970) adalah seramai 401 orang. Oleh itu pengkaji menetapkan sampel penerima bantuan zakat UTM bagi kajian ini adalah seramai 401 orang adalah memadai untuk mendapat kebolehpercayaan dan kesahan data yang diterima bagi melihat pola penggunaan wang bantuan zakat dan mewujudkan profil pemohon.

### **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga dapatan utama iaitu latar belakang penerima bantuan zakat UTM, penggunaan wang bantuan zakat dan penambahbaikan pengurusan dan pentadbiran zakat di Universiti Teknologi Malaysia. Hasil dapatan kajian adalah seperti berikut:

#### **a) Latar Belakang Penerima Bantuan Zakat UTM**

Berdasarkan **Jadual 1**, didapati penerima bantuan zakat UTM bagi tahun 2019 lebih ramai daripada pelajar perempuan iaitu kira-kira 58.3% dan 41.7% adalah lelaki. Umur pemohon kebanyakannya berada dalam lingkungan 20-30 tahun iaitu sebanyak 98.5% (399 orang) dan 1.5% (6 orang) dalam kategori umur 31-40 tahun. Enam orang pemohon dalam lingkungan 31-40 tahun adalah pelajar Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah.

**Jadual 1:** Peringkat Umur Penerima Bantuan Zakat UTM

Jantina/Umur	20-30 tahun	31-40 tahun		
Lelaki	399 orang	98.5%	6 orang	1.5%)
Wanita				

Manakala dalam **Jadual 2** pula, penerima bantuan zakat merangkumi lima fakulti utama di Universiti Teknologi Malaysia. Jumlah tertinggi penerima zakat UTM adalah dari Fakulti Kejuruteraan sebanyak 36.3% (147 orang), 21.7% (88 orang) penerima zakat adalah dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan merangkumi Sekolah Pendidikan, Sekolah Bahasa, Sekolah Pengurusan dan Akademi Tamadun Islam. Seramai 19.8% (80 orang) pula dari Fakulti Alam Bina dan Ukur. 14.1% (57 orang) dari Fakulti

Sains dan bakinya 8.1% (33 orang) dari Azman Hashim International Business School (AHIBS).

**Jadual 2:** Taburan Fakulti Pengajian bagi Penerima Bantuan Zakat UTM

Nama Fakulti	Bilangan	Peratus
Fakulti Kejuruteraan	147 orang	36.3%
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan	88 orang	21.7%
Fakulti Alam Bina dan Ukur	80 orang	19.8%
Fakulti Sains	57 orang	14.1%
Azman Hashim International Business School (AHIBS)	33 orang	8.1%

Dari pembahagian peringkat pengajian, **Jadual 3** menunjukkan penerima zakat UTM terdiri daripada pelbagai peringkat pengajian iaitu diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. Penerima tertinggi adalah dalam kalangan pelajar di peringkat Sarjana Muda iaitu 87.9% (356 orang), 7.7% (31 orang) di peringkat diploma pengajian, 3% (12 orang) di peringkat Ijazah Sarjana dan 1.5% (6 orang) dalam kalangan pelajar Ijazah Doktor Falsafah.

**Jadual 3:** Peringkat Pengajian bagi Penerima Bantuan Zakat UTM

Peringkat Pengajian	Bilangan	Peratus
Sarjana Muda	356 orang	87.9%
Diploma	31 orang	7.7%
Sarjana	12 orang	3%
Doktor Falsafah	6 orang	1.5%

**Jadual 4** pula menjelaskan status perkahwinan penerima zakat kebanyakannya berstatus bujang iaitu sebanyak 98.8% (400 orang). Hanya 1.2% (5 orang) sahaja yang berkahwin. Penerima yang telah berkahwin adalah pelajar Ijazah Doktor Falsafah.

**Jadual 4:** Status Perkahwinan bagi Penerima Bantuan Zakat UTM

Status	Bilangan	Peratus
Bujang	400 orang	98.8%
Berkahwin	5 orang	1.2%

**Jadual 5** menunjukkan status pekerjaan bapa atau penjaga. Majoriti penerima bantuan terdiri dalam kalangan ibu bapa yang bekerja sendiri iaitu sebanyak 162 orang (40%). Kedua tertinggi dari kategori penerima yang mencatatkan ibu bapa atau penjaga yang tiada pendapatan iaitu seramai 113 orang (27.9%). Hal ini disebabkan oleh faktor ibu bapa yang telah berpisah, kematian ibu atau bapa, ibu atau bapa yang sedang terlantar sakit dan ada dalam kalangan penerima yang mengatakan bahawa bapanya hilang tidak dapat dikesan sejak mereka kecil. Seterusnya, sebanyak 85 orang mempunyai ibu bapa atau penjaga yang bekerja di sektor swasta dan baki 45 orang (11.1%) yang mempunyai ibu bapa atau penjaga yang bekerja di sektor kerajaan.

**Jadual 5:** Pekerjaan Ibu Bapa atau Penjaga bagi Penerima Bantuan Zakat UTM

Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Bekerja Sendiri	162 orang	40%
Tiada Pendapatan Tetap	113 orang	27.9%
Swasta	85 orang	21%
Sektor Kerajaan	45 orang	11.1%

**Jadual 6** menunjukkan jumlah pendapatan isi rumah. Penerima bantuan zakat tertinggi mempunyai ibu bapa atau penjaga yang berpendapatan sekitar RM1000-RM2000 iaitu seramai 185 orang (45.7%). Sebanyak 129 orang (31.9%) berpendapatan kurang dari RM1000. Manakala 65 orang (16%) berpendapatan dalam lingkungan RM2000-RM3000 dan hanya 26 orang (6.4%) mempunyai pendapatan isi rumah lebih RM4000.

**Jadual 6:** Pekerjaan Ibu Bapa atau Penjaga bagi Penerima Zakat UTM

Pendapatan	Bilangan	Peratus
RM1000-RM2000	185 orang	45.7%
<RM1000	129 orang	31.9%
RM2000-RM3000	65 orang	16%
>RM4000	26 orang	6.4%

**b) Perbelanjaan Wang Bantuan dalam kalangan Asnaf Zakat di UTM**

**Jadual 7** adalah berkaitan perbelanjaan wang bantuan zakat. Perbelanjaan hasil bantuan zakat yang diterima oleh pelajar bagi kategori asnaf fisabilillah, asnaf gharim, fakir dan miskin di Universiti Teknologi Malaysia dilihat dari tujuh jenis penggunaan iaitu makan dan minum, keperluan harian, perubatan, pengangkutan, pakaian, internet dan telefon dan memberi bantuan kepada keluarga. Perbelanjaan tertinggi bagi wang bantuan zakat yang diterima dibelanjakan untuk tujuan makan dan minum iaitu seramai 202 orang (49.9%). Penerima seterusnya memilih untuk membelanjakan wang zakat untuk tujuan keperluan harian masing-masing kira-kira 36% atau 146 orang.


Terdapat 40 orang yang menyalurkan duit bantuan mereka untuk membantu keluarga yang susah iaitu sebanyak 9.9%. Manakala 14 orang (3.5%) membelanjakan wang bantuan zakat untuk internet dan telefon. Hanya dua orang (0.5%) menggunakan peruntukan zakat untuk tujuan pengangkutan dan yang terakhir hanya seorang (0.2%) yang memilih untuk membelanjakan bagi tujuan perubatan.

**Jadual 7:** Perbelanjaan Wang Bantuan Zakat

Perbelanjaan	Bilangan	Peratus
Makan dan Minum	202 orang	49.9%
Keperluan Harian	146 orang	36%
Bantu Keluarga	40 orang	9.9%

Internet dan telefon	14 orang	3.5%
Pengangkutan	2 orang	0.5%
Perubatan	1 orang	0.2%
Pakaian	0 orang	0

Kategori zakat yang diterima oleh pelajar UTM ialah sara hidup, yuran pengajian, kecemasan dan latihan industri. Pecahan peratusan penerima zakat bantuan sara hidup merupakan jumlah penerima tertinggi aiitu seramai 342 orang (84.7%). Penerima yuran pengajian seramai 119 orang (29.4%), bantuan kecemasan seramai 13 orang (3.2%) dan latihan industri seramai lapan orang (2%). **Rajah 1** yang mencatatkan penerima zakat mengikut jenis bantuan adalah seperti berikut.




**Rajah 1:** Kategori Wang Bantuan Zakat Mengikut Jumlah Penerima

### c) Penambahbaikan Pengurusan dan Pentadbiran Zakat UTM


Soalan pertama berkaitan mekanisma permohonan zakat di Universiti Teknologi Malaysia menggunakan kaedah permohonan secara dalam talian sepenuhnya bermula 2020. **Rajah 2** berikut merupakan dapatan komentar pelajar terhadap pemohonan secara talian. Sebanyak 372 orang (91.9%) bersetuju dengan permohonan secara dalam talian ini

memudahkan urusan permohonan. Sementara itu, terdapat 36 orang (8.9%) yang kurang bersetuju dan 4 orang (1%) pelajar yang tidak bersetuju bahawa permohonan zakat secara dalam talian memudahkan pelajar.




**Rajah 2:** Mekanism Permohonan Zakat

Manakala kedua berkaitan tempoh pembayaran zakat dibuat kepada pelajar soalan yang diberikan adalah berkaitan bantuan zakat diperolehi mengikut jadual yang ditetapkan atau sebaliknya. **Rajah 3** menunjukkan tiga pilihan jawapan yang diberikan iaitu bersetuju, kurang setuju dan tidak setuju. Dapatkan menunjukkan 269 (66.4%) pelajar bersetuju dengan kenyataan tersebut. Manakala 111 orang (7.9%) kurang bersetuju dan 32 orang (7.9%) menunjukkan bahawa mereka tidak bersetuju bahawa bantuan zakat diperolehi mengikut jadual yang telah ditetapkan.



**Rajah 3:** Jadual Pembayaran zakat


Soalan ketiga berkaitan layanan staf yang menguruskan zakat kepada para pemohon adalah memuaskan. **Rajah 4** menunjukkan tiga pilihan jawapan yang diberikan iaitu setuju, kurang setuju dan tidak setuju. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa 389 (96%) bersetuju, 15 orang (3.7%) pula tidak setuju dan 5 orang (1.2%) menyatakan tidak bersetuju.



**Rajah 4:** Layanan Staf Zakat


Soalan keempat berkaitan cara pemohon mengetahui tentang iklan permohonan bantuan zakat. **Rajah 5** menunjukkan tujuh pilihan jawapan yang diberikan ialah melalui saluran facebook Masjid Sultan Ismail UTM, Instagram Pusat Islam UTM, WhatsApp daripada Unit Zakat, E-mail daripada Unit Zakat, melalui penasihat akademik atau

pensyarah, melalui persatuan pelajar atau Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPP) dan lain-lain. Seramai 165 orang (40%) mengetahui iklan permohonan zakat melalui E-mail daripada Unit Zakat. Seramai 136 orang (33%) mengetahui iklan zakat melalui medium facebook Masjid Sultan Ismail UTM. Manakala 24 orang (6%) mengetahuinya melalui penasihat akademik atau pensyarah, 16 orang (4%) mengetahuinya melalui persatuan pelajar atau Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPP), 14 orang (3%) melalui WhatsApp daripada Unit zakat, 14 orang (3%) melalui Instagram Pusat Islam UTM dan 47 orang (11%) mengetahui maklumat iklan tersebut melalui medium selain yang dinyatakan.




**Rajah 5:** Publisiti Zakat

Soalan kelima berkaitan status kemaskini permohonan kepada para pemohon. **Rajah 6** menunjukkan pilihan jawapan diberikan samada setuju, kurang setuju atau tidak bersetuju. Hasil dapatan menunjukkan 325 orang (80.5%) menyatakan bersetuju bahawa maklumat permohonan sentiasa dikemaskini. Sementara 83 orang (20.5%) kurang bersetuju bahawa mereka mendapat maklumat kemaskini permohonan dan 8 orang (2%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.



**Rajah 6:** Kemaskini Permohonan

Soalan keenam berkaitan penambahbaikan sistem pengurusan dan pentadbiran zakat UTM. Saluran komunikasi berkaitan Zakat yang biasa digunakan oleh pemohon untuk sebarang pertanyaan berkaitan urusan zakat di UTM. **Rajah 7** menunjukkan hasil dapatan soalselidik bahawa sebilangan besar pemohon iaitu seramai 141 orang (34%) bertanya menggunakan mesej dalam Fb Masjid Sultan Ismail UTM. Manakala 60 orang (14%) menggunakan lebih selesa menggunakan panggilan telefon terus ke Unit zakat UTM, 56 orang (14%) memilih untuk datang sendiri berjumpa dengan staf Unit zakat di pejabat Pusat Islam UTM. Manakala 43 orang (10%) pula bertanya di dalam *WhatsApp Group* pemohon zakat berkaitan permasalahan atau pertanyaan berkaitan permohonan zakat. Baki 116 orang (28%) pula menggunakan lain-lain saluran untuk pertanyaan berkaitan permohonan mereka.




**Rajah 7:** Cara Penerima Berhubung

### **PERBINCANGAN**

Kajian ini menghasilkan tiga dapatan kajian iaitu profil penerima zakat UTM, pola penggunaan duit zakat dan mekanisma penambahbaikan pengurusan dan pentadbiran zakat melibatkan kutipan, agihan dan program pembangunan asnaf yang boleh dijalankan oleh institusi zakat.

#### **a) Profil penerima zakat UTM**

Ringkasan profil penerima zakat diringkaskan dalam **Rajah 8** berdasarkan peratusan tertinggi jawapan berdasarkan 10 soalan yang diberikan kepada responden kajian.



**Rajah 8:** Ringkasan Profil Penerima Zakat

Berdasarkan soalan berkaitan profil menunjukkan bahawa keperluan zakat lebih tertumpu kepada penerima dalam kalangan pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu sebanyak 87.9% (356 orang). Ini menunjukkan penerima yang ramai adalah dalam kalangan pelajar yang terus menyambung pengajian selepas tamat persekolahan peringkat diploma atau matrik yang sedang dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda dan belum bekerja.


Kajian Azman & Siti Martiah (2014) mendapati bahawa kesemua unit Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat di 14 buah negeri di Malaysia telah memperuntukkan sejumlah peruntukan dalam bentuk bantuan zakat pendidikan kepada golongan asnaf sebagai kesinambungan pendidikan. Kebanyakkannya pusat pengurusan zakat negeri meletakkan syarat permohonan kepada pelajar

diperingkat sijil atau diploma atau ijazah pertama sahaja seperti Zakat Negeri Johor, Zakat Negeri Kedah, Zakat Selangor, Zakat Pulau Pinang, Zakat Kelantan. Sementara itu, Zakat Terengganu, Zakat Pahang membuka ruang kepada pemohon dalam kalangan pelajar ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah.

Sementara itu, penerima zakat UTM berada di bawah had kifayah yang ditetapkan. Imam al-Nawawi menerangkan bahawa yang diambilkira dalam penentuan had kifayah ialah makanan, pakaian, tempat tinggal dan selainnya dari keperluan asasi adalah mengikut kesesuaian dengan keadaannya tanpa sebarang pembaziran dan kekikiran bagi individu dan orang yang dibawah tanggungannya (Zulfaqar et.al, 2018). Sistem agihan ke atas golongan fakir dan miskin sama ada Islam asal atau muallaf adalah berdasarkan kepada keperluan asasi (*dharuriyyat*) bukan keperluan tambahan ( *hajiat* ) dan bukan keperluan kemewahan ( *tahsiniyyat* ) seseorang itu mengikut kaca mata Islam bagi diri dan keluarga di bawah tanggungannya sesuai dengan tempat, masa serta status sosial seseorang (Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2020). Penerima bantuan zakat UTM dalam kalangan keluarga yang berpendapatan antara RM1000-RM2000 dan kebanyakannya berkerja sendiri. Zakat merupakan satu keperluan bagi golongan ini kerana anak-anak yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah sering tercicir dalam pelajaran kerana ibu bapa tidak mampu untuk menyekolahkan anak-anak mereka. Taraf kelulusan ibu bapa yang rendah turut mempengaruhi kesedaran mereka mengenai kepentingan pendidikan dalam kalangan anak-anak (Zakiyah, 2011). Berdasarkan Laporan Murad, antara faktor kecinciran dalam pendidikan ialah status sosio ekonomi (taraf pekerjaan ibu bapa dan taraf kelulusan ibu bapa), pendidikan dan pekerjaan ibu bapa masing-masing (Azman & Siti Martiah, 2014).

### b) Pola Penggunaan Wang Bantuan Zakat

Pola penggunaan wang bantuan zakat dalam kalangan penerima bantuan Zakat UTM diringkaskan dalam **Rajah 9** berikut.



**Rajah 9:** Pola Penggunaan Wang Bantuan Zakat

Berdasarkan pola penggunaan wang bantuan zakat yang disalurkan melalui bantuan zakat sara diri di UTM dapat dilihat dengan jelas bahawa kebanyakkan pelajar menggunakan duit peruntukan tersebut untuk tujuan makan dan minum sehari-hari di kampus. Bantuan sara diri merupakan bantuan yang diberikan dalam bentuk wang tunai kepada asnaf melalui kredit ke akaun sebanyak RM600 untuk satu semester pengajian. Berdasarkan dapatan ini, keperluan sara diri untuk tujuan makanan dan minuman ini boleh ditambah berdasarkan garis kasar kemiskinan yang telah dinaikkan kerajaan pada tahun 2020. Jumlah RM600 per semester adalah jumlah yang kecil jika dinisbahkan kepada enam bulan. Setiap penerima diperuntukkan sebanyak RM100 sebulan dan boleh membelanjakan hanya RM50 seminggu.

**c) Penambahbaikan Pengurusan dan Pentadbiran Institusi Zakat**

Berdasarkan data yang diperolehi melalui kaji selidik ini memberi suntikan dan input baharu kepada Pengurusan Unit Zakat dan Kebajikan Pusat Islam UTM untuk lebih mengambil berat tentang pandangan dan lontaran suara pelajar. Beberapa perkara yang menjadi perhatian pelajar antaranya tempoh kemasukan wang ke akaun dan tempoh penilaian permohonan perlu ditambahbaik bagi memastikan pelajar yang berkelayakan berhak mendapat bantuan. Semoga dengan

penambahbaikan yang akan dilakukan mampu menambah kepercayaan individu yang mencarum serta ahli asnaf yang disebut di dalam al-Quran (at-Taubah : 60).

## KESIMPULAN

Kajian ini berjaya mengumpulkan dapatan berkaitan penggunaan wang zakat dalam kalangan asnaf. Kajian ini membuktikan bahawa semua asnaf menggunakan wang bantuan zakat kepada perkara-perkara yang bersifat (*dboruriyyat*) dalam kehidupan seperti makanan dan minuman yang menjadi asas kehidupan mahasiswa di universiti. Latarbelakang penerima juga menunjukkan semua penerima dalam kalangan yang berpendapatan rendah dan amat memerlukan bantuan untuk kelangsungan hidup mereka di universiti. Agihan zakat di Universiti Teknologi Malaysia adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Had Kifayah penerima apabila diukur daripada latar belakang penerima. Keyakinan pembayar zakat juga dapat ditingkatkan apabila wang bantuan zakat disalurkan kepada penerima yang layak dan penerima membelanjakan untuk tujuan kelangsungan pengajian mereka di universiti. Hal ini selaras dengan dapatan kajian Azman & Siti Martiah (2014) yang mendapati bahawa zakat pendidikan memainkan peranan yang sangat penting bagi golongan asnaf dalam membantu membasi kemiskinan jangka masa panjang. Menerusi bantuan zakat yang diberikan kepada asnaf fizabilillah dan asnaf gharim ini dapat membantu golongan asnaf untuk memperolehi taraf pendidikan yang lebih baik. Peningkatan taraf pendidikan ini dapat memberi ruang kepada asnaf mendapat pekerjaan yang lebih baik dan membantu keluarga keluar daripada kemiskinan.

## RUJUKAN

- Azman Ab Rahman& Siti Martiah Anwar (2014). Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014). (e-ISBN 978-967-13087-1-4). 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA.
- Hafizah Zainal, Siti Khalilah B., Rahayu M. Y., S. N. Zahirah Omar (2016). Managing Zakat Fund in Malaysia Journal of Global Business and Social Entrepreneurship. Vol. 1 (2): 46-53

- Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad (2008). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati. Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia, 806-807.
- Maheran Zakaria (2014). The Influence of Human Needs in The Perspective of Maqasid al- Syari'ah on Zakat Distribution Effectiveness dlm Jurnal of Asian Social Science Vol. 10(3):165-172
- Md Hairi Md Hussain (2009). Laporan Kajian Keberkesanan Sistem Agihan Zakat: Satu Pandangan Awal, *Fakulti Perakaunan Universiti Utara Malaysia*, 2-3.
- Mardiatul Akmaliah Mohd Asri (2011). Keberkesanan Pengagihan Zakat Terhadap Asnaf: Kajian Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat Negeri Pulau Pinang. Tesis Sarjana Universiti Utara Malaysia.
- Muhibbuddin Bin Abdullah (2017). Prinsip-Prinsip Agihan Zakat Dan Pelaksanaannya Di Negeri Selangor. Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah Sarjana Falsafah Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia, 25-26.
- Neuman, W. Lawrence (2007). Basics of Social Research Qualitative and Quantitative Approaches. 2 th Edition. Boston: Pearson.
- Rahisam bin Ramli (2011). Keberkesanan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan: Kajian Terhadap Asnaf Fakir Dan Miskin Di Negeri Sembilan. Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Rosliza @ Rosli Mahmud (2017). Pengurusan zakat di institusi pengajian tinggi: kajian terhadap pelaksanaan agihan di beberapa universiti di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanep Ahmad., Hairunnizam Wahid, & Nor (2006). Penswastaan Institusi Zakat Dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia (Privatization of Zakat Institutions in Malaysia and its Effect on Formal Payment). International Journal of Management Studies, 13(2), 75-96.
- Chua, D. (2014, April 25). New wave of choreographers. *New Straits Times*, p.7.

- Gomez, M.M., Sierra, J.M.C., Jabaloyes, J., & Zarozo, Manuel. (2010). A multivariate method for analyzing and improving the use of student evaluation of teaching questionnaires: A case study. *Quality Quantitative*. doi: 10.1007/s11135-010-9345-5.
- Gunkel, M. (2008). Guidelines for academic writing. [http://www.im.ovgu.de/im\\_media/downloads/examinations/academic\\_paperwriting\\_MG.pdf](http://www.im.ovgu.de/im_media/downloads/examinations/academic_paperwriting_MG.pdf). Accessed 20 Feb 2014.
- Kahraman, C., Cevi, S., Ates, N. Y., & Gulbay, M. (2007). Fuzzy multi-criteria evaluation of industrial robotic systems. *Computer & Industrial Engineering*, 52, 414-433 (2007). doi: 10.1016/j.cie.2007.01.005.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement.
- Locke, Lawrence F., Silverman, Stephen J., and Waneen Wyrick Spirduso (2010). Reading and Understanding Research (3th edition). Los Angeles: SAGE.
- Maxwell, Joseph A. (1996). Qualitative Research Design An Interactive Approach. Vol.41. London: SAGE.
- Ramli, N., & Mohamad, D. (2010). On the Jaccard index with degree of optimism in ranking fuzzy numbers. In E. Hullermeier, R. Kruse, & F. Hoffman (Eds.), *Information processing and management of uncertainty in knowledge-based system application* (pp. 383-391). New York: Springer.
- Richard Holmes, Hazadiah Mohammad and Habibah Ashari (2005). A Guide to Research in the Social Sciences. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Rosen, K.H. (1988). *Discrete mathematics and its applications*. New York: Random House, Inc.
- Salvana di Gregorio, Judith Davidson (2008). Qualitative Research Design for Software Users. England: Mc Graw Hill Open University Press.
- Uwe Flick, Ernst Von Kardorff and Ines Steinke (2004). A Companion to Qualitative Research. London: SAGE Publications.
- Welman, Kaiger, Mitchell (2005). Research Methodology. (3th Edition). Southern Africa: Oxford University Press.

Zakiyah Jamaluddin (2011). Kemiskinan dan Keciciran Dalam Pendidikan. Jurnal Kebajikan Masyarakat. Vol. 37. Jun 2011.

Zulfaqar Mamat, Azman Abdul Rahman&Hamzah Abd al-Karem Hamad (2018). Malaysian Journal of Syariah and law | بماليزيا | ولقانون الشريعة مجلة Vol 7, June 2018.